

# Fiesta UMP pameran budaya, juadah luar

WISYAPAN MALAYSIA (PALAM AKADEMIK) 25/10/17 (RABU) M/S: 26

**KUANTAN 24 Okt.** - Penganjuran Fiesta Antarabangsa **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** 2017 bermula Jumaat ini di Kompleks Sukan UMP Gambang, dekat sini bukan sahaja melibatkan penyertaan dalam kalangan mahasiswa dan staf antarabangsa universiti berkenaan malah penduduk setempat.

Fiesta tiga hari bertemakan *Communitizing Internationalization* itu memberi peluang kepada orang ramai memperoleh pengalaman menerusi perkongsian perbezaan budaya dengan berinteraksi secara lebih dekat bersama komuniti antarabangsa UMP.

Pengarah Pejabat Antarabangsa UMP, Prof. Madya Dr. Ainol Haryati Ibrahim berkata, komuniti antarabangsa universiti tersebut adalah seramai 1,000 orang terdiri daripada 700 penuntut selain staf dan ahli keluarga mereka daripada 33 buah negara.

"Mereka akan mempersembahkan keunikan budaya menerusi pameran, penyediaan juadah yang mempunyai cita rasa berbeza dan persembahan kebudayaan negara masing-masing.

"Penganjuran fiesta ini juga



**PELAJAR** antarabangsa UMP (dari kiri, **Abdrhman Arif (Iraq)**, **Mohamad Weyrah (Somalia)**, **Puranjan Mishra (India)**, **Ukaegbu Chinonso (Nigeria)** dan **Yaseen Quhaili (Yemen)**) mempromosikan acara sempena Fiesta Antarabangsa UMP yang bakal diadakan pada 27-29 Oktober nanti di Kuantan, semalam.

dapat mempromosikan agenda *Internationalization@Home* yang mana komuniti UMP berpeluang memperoleh pengalaman silang budaya di samping memperkayakan pengalaman pembelajaran dan menggalakkan integrasi antara kaum," katanya di sini hari ini.

Menurut Ainol Haryati, suasananya persekitaran antarabangsa yang disemai menerusi pengan-

juruan program seperti itu turut memberi pengalaman berharga dan menarik kepada mahasiswa tempatan serta luar.

Kata beliau, bagi menggalakkan penyertaan komuniti setempat, orang ramai dijemput mengunjungi dan mengambil bahagian dalam beberapa acara serta pertandingan yang disediakan sepanjang fiesta tersebut.